

Bantuan khas Aidilfitri RM500 dibayar 25 April

Lebih 2 juta penjawat awam, pesara kerajaan terima inisiatif babit peruntukan RM923 juta

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata bayaran itu juga diberi kepada kakitangan di bawah skim kontrak perkhidmatan dan Kontrak atas Perkhidmatan serta pegawai atas lantikan di bawah program MySTEP



Bantuan Khas Aidilfitri diharapkan menjadi pemangkin kepada kakitangan awam untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi. (Foto hiasan)

“Kerajaan juga bersetuju untuk memberi bantuan khas sebanyak RM250 kepada pesara kerajaan.

“Pembayaran bagi bantuan khas ini akan dibuat bersama de-

ngan pembayaran gaji April iaitu pada 25 April ini,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Bantuan khas itu membabitkan peruntukan RM923 juta bagi memanfaatkan lebih dua juta pen-

jawat awam dan pesara.

Ismail Sabri berkata, pengumuman pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri pada tahun ini dibuat lebih awal atas keprihatinan kerajaan supaya kaki-

Pemberian ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam dalam menggalas tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan kepada Keluarga Malaysia

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri



tangan awam dapat membuat perancangan awal dan persiapan bagi menyambut Aidilfitri.

“Pemberian ini bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam dalam menggalas tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan kepada Keluarga Malaysia.

“Kerajaan berharap dengan pemberian Bantuan Khas ini dapat meringankan beban kewangan kepada penjawat awam dan pesara serta dijadikan sebagai pemangkin kepada mereka untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi,” katanya.